

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

RPG 432 - Rekabentuk Bandar

Masa : (3 Jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tertentu sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

1. Dalam buku "The Death and Life of Great American Cities" - Jacobs menjelaskan bahawa laluan pejalan kaki dan jalan sebagai nadi utama untuk memberi "nyawa" kepada sesebuah bandar/bandaraya.

Dengan mengambil contoh bandar/bandaraya pra-otomobil seperti Pulau Pinang, Melaka, Kuching dan lain-lain lagi di negara ini, bincangkan faktor-faktor yang dapat menjamin keselamatan, keselesaan dan kepelbagaian aktiviti dalam pembangunan bandar seperti yang disarankan oleh Jacobs.

(25 Markah)

2. Anda ditugaskan untuk mempertingkatkan imej sebuah bandar di Malaysia. Bandar ini terletak dipinggir sebuah sungai yang boleh dikemudi dan pusat bandar ini sangat aktif serta dipenuhi dengan bangunan kolonial.

Dengan berpandukan elemen rekabentuk bandar dan konsep pembangunan, kemukakan cadangan anda dalam mempertingkatkan imej bandar ini.

(25 Markah)

3. Bandaraya Melaka mengamalkan konsep pengkekalan 'daerah bersejarah'. Konsep ini menitikberatkan garis panduan tertentu ke arah pembangunan yang akan berlaku.

Bincangkan langkah-langkah yang biasa diamalkan supaya konsep ini terus memberi kesinambungan peningkatan ekonomi dan pembangunan di masa hadapan.

(25 Markah)

4. Bincangkan DUA (2) daripada tajuk-tajuk berikut berdasarkan prinsip-prinsip Rekabentuk Bandar.

- (a) Tempat Letak Kereta
- (b) Ruang Lapang
- (c) Papan Tanda

(25 Markah)

-ooo00oooo-